



DR JAKARIA (duduk tengah) bersama para pembentang Sains Sosial.

Kolokium Pascasiswazah UMS 2018

UB 7.4.2018 B3

KOTA KINABALU:
Universiti Malaysia Sabah
(UMS) menerusi Pusat
Pengajian Pascasiswazahnya
(PPPS) telah mengadakan
Kolokium Pascasiswazah
UMS 2018 yang berlangsung
di Bangunan Pascasiswazah
pada Rabu.

Kolokium yang disertai oleh 75 pelajar sarjana dan doktor falsafah itu mempunyai matlamat serampang dua mata. Pertama, bertindak sebagai medan untuk menilai kemajuan pengajian para pelajar pascasiswazah UMS yang terdiri daripada penerima Skim Bantuan Pascasiswazah UMS yang masih aktif manakala kedua, memberi keyakinan kepada para pelajar terlibat membuat pembentangan mengenai kajian mereka dalam persidangan peringkat fakulti, kebangsaan dan antarabangsa.

Selain itu, para pelajar juga boleh menjadikan pengalaman itu untuk memperbaikicaraataukaedah penyampaian mereka ketika berkongsi hasil penyelidikan dengan masyarakat umum kelak menerusi pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS Prof Dr Hjh Arsiah Hj Bahron berharap agar menerusi kolokium itu, para pelajar dapat berkongsi bersama para pelajar lain mengenai cabaran yang mereka hadapi dan amalan positif yang mereka lakukan dalam usaha menyiapkan kajian yang



PROF Dr Hjh Arsiah (tengah) ketika menyampaikan skim bantuan pascasiswazah baru-baru ini.

sedang mereka jalankan.

Jelasnya perkongsian itu berlaku bilamana para pelajar diberikan ruang dalam kolokium itu berkongsi mengenai perjalanan mereka sebagai pelajar pascasiswazah UMS sehingga kini.

"Selain itu, selaku pusat yang diberi tanggungjawab untuk menjaga kemashlahatan para pelajar sarjana dan doktor falsafah di UMS, PPPS sentiasa berharap agar para pelajar yang menerima tajaan skim bantuan pascasiswazah komited dalam pengajian mereka," katanya dalam pesannya yang disampaikan oleh Timbalan Dekan Kebajikan Pelajar PPPS Dr Jakaria Dasan, ketika menyempurnakan pembukaan kolokium itu.

Kolokium dikendalikan dalam dua sesi (Sains dan Sains Sosial) secara serentak. Prof Madya Dr Fauziah Sulaiman (Timbalan Dekan Akademik & Antarabangsa) memperkenalkan

pembentangan para pelajar aliran Sains, manakala Jakarta untuk aliran Sains Sosial.

Selain berupaya menjelaskan hasil kajian mereka selama tiga minit untuk kajian yang dijalankan dan tiga minit lagi untuk kemajuan pengajian mereka, setiap peserta diminta untuk menggunakan penyampaian yang ringkas dan mudah difahami oleh masyarakat umum dan audiensi dari bidang yang berlainan. Secara keseluruhannya, para pelajar merasa lebih bermotivasi selepas berpeluang menyertai kolokium itu.

Nor Asmidayu Mohamad Fauzi, pelajar Doktor Falsafah dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, bersyukur kerana dapat meningkatkan keyakinan diri untuk memperbaiki cara pembentangan beliau di pelbagai konferensi yang akan dihadiri kelak.

"Ini kerana, beberapa tips pembentangan yang baik telah dikongsikan oleh para peserta selain tips yang diberikan oleh pengurus pembentangan," katanya.

Masran Tamin (pelajar Doktor Falsafah) dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan pula terasa lebih bermotivasi untuk memastikan beliau kekal dalam momentum kejayaan dalam pengajian selepas mendengar perkongsian yang disampaikan oleh rakan-rakan pelajar.

"Ternyata, cabaran-cabaran mereka lebih getir daripada yang saya alami. Namun, mereka berjaya menghadapinya secara konsisten dengan mengambil pelbagai tindakan proaktif yang sistematik," katanya.

Khasidah Kamarudin, pelajar Sarjana Fakulti Sains dan Sumber Alam, berasa seronok dengan kaedah pembentangan yang digunakan dalam kolokium itu.

Katanya para peserta hanya menggunakan satu slide yang ringkas tetapi padat dengan maklumat mengenai kajian yang dijalankan. Secara tidak langsung, beliau lebih fokus berinteraksi dengan audiensi.

Skim Bantuan Pascasiswazah UMS merupakan satu dana khas yang disediakan oleh UMS bagi membantu pengajian para pelajar sarjana dan doktor falsafah mengikut syarat-syarat tertentu.

Para pelajar boleh memohon skim ini pada semester dua pengajian dan hendaklah mendaftar dalam mod sepenuh masa serta tidak mendapat bantuan atau tajaan kewangan dari mana-mana pihak atau institusi.

Bagi memastikan kelancaran pengajian para penerima biasiswa ini, maka PPPS mengambil inisiatif menganjur dan melaksanakan Kolokium Pascasiswazah UMS setiap tahun.



ANG Hong Loong, pelajar Doktor Falsafah membentangkan kajian beliau.